

## KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL DAN HUBUNGANNYA DENGAN AMALAN KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL GURU BESAR DI SEKOLAH RENDAH DAERAH KLANG

Prof. Madya Dr. Mohd Izham Mohd Hamzah  
Zalinda Rahmat  
Dr. Bity Salwana  
izham@ukm.edu.my  
zalindarahmat@gmail.com  
bity@ukm.edu.my

### ABSTRAK

*Laporan Kementerian Pendidikan Malaysia serta laporan kajian terdahulu menunjukkan terdapat guru besar yang masih kurang memberi perhatian terhadap tugas sebagai pemimpin instruksional. Persoalannya, adakah ini turut memberi kesan terhadap amalan komuniti pembelajaran profesional guru besar berkenaan? Justeru, kajian ini dijalankan dengan tujuan mengenal pasti hubungan antara kepimpinan instruksional dengan pelaksanaan komuniti pembelajaran profesional dalam kalangan guru besar di sekolah rendah daerah Klang. Sampel kajian adalah 76 buah sekolah rendah di daerah Klang merangkumi 55 buah Sekolah Kebangsaan, 11 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan 10 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Ini bermakna 76 orang Guru Besar terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian iaitu soal selidik telah ditadbir semasa Mesyuarat Pengurusan Sekolah 2018 Daerah Klang. Data dianalisis secara deskriptif bagi mengukur tahap kepimpinan instruksional dan tahap amalan komuniti pembelajaran profesional guru besar, manakala ujian Korelasi Pearson dijalankan bagi mengenal pasti hubungan antara tahap kepimpinan instruksional dengan amalan komuniti pembelajaran profesional. Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan guru besar berada pada tahap yang tinggi untuk kedua-dua pembolehubah. Dapatan juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan, iaitu pada tahap positif yang sederhana antara kepimpinan instruksional dan komuniti pembelajaran profesional. Kajian ini merumuskan bahawa aspirasi kerajaan yang berkaitan dengan penempatan guru besar yang memiliki kemahiran kepimpinan instruksional tinggi serta mengamalkan komuniti pembelajaran profesional pada tahap tinggi telah tercapai.*

**Kata kunci:** *Kepimpinan Instruksional, Komuniti Pembelajaran Profesional, Guru Besar, Sekolah Rendah di Klang*


## 1.0 PENGENALAN

Di Malaysia, kepimpinan instruksional mula mendapat tempat dalam kalangan pemimpin sekolah kerana keperluannya dalam melahirkan sekolah berkesan (Abdul Wahab, 2011). Amalan kepimpinan instruksional didapati relevan dan dapat menyumbang kepada kecemerlangan sekolah pada abad ke-21 ini (Abdullah & Kassim, 2011). Menurut Mior Khairul Azrin (2011), keberkesanan amalan kepimpinan instruksional turut dinyatakan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia 2007. Alimuddin (2010) menjelaskan seorang pemimpin instruksional mampu menjadi agen perubahan dan mewujudkan persekitaran sekolah yang kondusif selain dapat memberi impak yang signifikan terhadap kecemerlangan murid.

Komuniti pembelajaran profesional (KPP) atau professional learning community (PLC) adalah merupakan sebahagian daripada inisiatif dalam meningkatkan kualiti guru di bawah bidang keberhasilan utama negara (NKRA) yang juga bertujuan meningkatkan kualiti pembelajaran murid (Zuraidah, 2009). KPP juga dilihat sebagai salah satu usaha menambahbaik pencapaian sekolah melalui usaha pembentukan semula budaya berbanding penstrukturan semula organisasi sekolah. KPP memerlukan proses berterusan yang bermula dengan sendiri guru. Ini bermaksud guru perlu membangunkan kepimpinan diri menerusi pelaksanaan kerja berpasukan secara berterusan, mempunyai tahap pencapaian yang tinggi dan berkolaboratif dengan pihak berkepentingan dalam pendidikan.

## 2.0 SOROTAN LITERATUR

Berdasarkan sorotan literatur yang melibatkan proses memahami Model Kepimpinan Instruksional oleh Hallinger dan Murphy (1987), Weber (2013) dan Alig-Mielcarek (2003), pengkaji mendefinisikan kepimpinan instruksional sebagai tret, amalan, tingkah laku dan proses yang diperlukan oleh pemimpin sekolah yang berkesan. Kesemua model menyatakan kepimpinan instruksional akan meningkatkan kebolehan mengajar guru yang akan memberi kesan terhadap pencapaian akademik murid. Model Hallinger dan Murphy (1987) contohnya menunjukkan tiga dimensi utama kepimpinan instruksional adalah mendefinisikan misi sekolah, menguruskan program instruksional, dan membentuk iklim sekolah yang positif (Rajah 1). Mendefinisikan misi sekolah bermakna pemimpin sekolah perlu merangka matlamat sekolah dan menyampaikan matlamat sekolah. Kepimpinan instruksional yang berkaitan dengan menguruskan program pula bermakna pemimpin perlu menyelia dan menilai pengajaran, menyelaras kurikulum, dan memantau kemajuan murid, manakala untuk membentuk iklim sekolah yang positif, pemimpin perlu melindungi masa pengajaran, mempromosikan pembangunan profesional, mengekalkan ketampakan yang tinggi dan menyediakan insentif kepada murid.



Rajah1: Model kepimpinan instruksional Hallinger dan Murphy (1987)

Bagi mendefinisikan komuniti pembelajaran profesional (KPP), rujukan utama adalah Model Hord (1997) yang mentakrifkan KPP sebagai professional communities of learners iaitu usaha guru dan pentadbir di sesebuah sekolah mengenal pasti dan berkongsi ilmu yang diperoleh daripada suatu pembelajaran. Definisi ini selari dengan DuFour (2011) yang mentakrifkan KPP sebagai pelaksanaan kerja secara berkolaborasi khususnya dalam aktiviti kolektif inkuiri dan dalam melaksanakan kajian tindakan untuk memperkenalkan inovasi baru.KPP juga dikaitkan dengan warga sekolah yang membudayakan pembelajaran sepanjang hayat.Kewujudan budaya ini dapat membangunkan kapasiti dalaman ke arah menggalakkan guru menjadi pakar dalam bidang masing-masing (Aziah, Loh & Abdul Ghani, 2015). Secara amnya, KPP merujuk kepada usaha pendidik yang komited, bekerja secara kolaboratif serta berterusan untuk membuat inkuiri atau kajian tindakan bagi mencapai prestasi yang lebih baik untuk murid (DuFour, Eaker, & Many, 2010).

Kajian oleh Gray dan Streshly (2010) mendapati pemimpin yang mengamalkan kepimpinan instruksional akan menyokong dan menggalakkan pembelajaran berterusan dalam kalangan warga sekolah. Jameela Bibi dan Jainabee (2011) pula berpandangan, pemimpin yang memiliki penguasaan instruksional dan mempunyai pengaruh positif mampu mengurus sekolah dengan berkesan. Bagaimanapun, berdasarkan Alimuddin (2010) serta Hafsah, Mohd Johan, Siti Patimah dan Tajul Ariffin (2012), masih terdapat guru besar yang kurang memberi perhatian terhadap tugas sebagai pemimpin instruksional. Ini menimbulkan persoalan sama ada guru besar berkenaan juga kurang

cenderung terhadap amalan KPP.

Kajian oleh Bond (2013) mengenai hubungan antara persepsi guru sekolah rendah terhadap kepimpinan instruksional guru besar dengan perubahan sikap menunjukkan tahap kepimpinan instruksional guru besar yang masih sederhana berdasarkan persepsi guru. Hal ini juga menimbulkan persoalan tentang hubungannya dengan amalan di sesebuah sekolah kerana kajian perbandingan antara sekolah berkesan dengan sekolah tidak berkesan mendapati pemimpin di sekolah berkesan mengamalkan kepemimpinan instruksional yang lebih nyata berbanding sekolah kurang berkesan (Mazlan, 2013). Manakala dapatan kajian berkaitan Komuniti Pembelajaran Profesional yang dilaksanakan oleh Senge (1990) mendapati organisasi yang berjaya adalah organisasi yang mengamalkan pembentukan visi secara bersama, berkongsi visi dan nilai, menyokong pembelajaran dan menyelesaikan masalah bersama-sama.

### 3.0 METODOLOGI

Populasi bagi kajian ini ialah semua guru besar sekolah rendah di daerah Klang, Selangor yang terdiri daripada 92 buah sekolah. Bagaimanapun, pengkaji hanya memilih 76 buah sekolah rendah daerah Klang yang terdiri daripada 55 buah Sekolah Kebangsaan, 11 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan 10 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina untuk mewakili 92 sekolah yang ada. Bilangan sampel bagi setiap sekolah adalah seorang kerana hanya guru besar dipilih secara rawak tanpa mengira jantina, umur, kaum, tahap pendidikan dan pengalaman mengajar. Ini bermakna jumlah keseluruhan sampel yang digunakan bagi kajian ini ialah sebanyak 76 orang mewakili 92 orang populasi kajian. Penentuan bilangan sampel adalah berdasarkan formula penentuan saiz sampel Krejcie & Morgan (1970).

Instrumen kajian iaitu soal selidik ditadbir semasa Mesyuarat Pengurusan Sekolah 2018 Daerah Klang. Borang soal selidik ini terbahagi kepada tiga bahagian A, B dan C. Bahagian A ialah untuk mengutip data berkenaan profil responden yang terdiri daripada kelulusan akademik tertinggi, tempoh perkhidmatan menjadi guru besar dan kehadiran kursus NPQEL. Bahagian B mengandungi item bagi mengukur tahap kepimpinan instruksional guru besar yang mengandungi 4 dimensi. Setiap dimensi mempunyai antara 3 hingga 10 item. Inventori kepimpinan intruksional guru besar telah menggunakan soal selidik Principles Instructional Management Rating Scales (PIMRS) oleh Hallinger dan Murphy (1987) yang kemudiannya diubah suai oleh pengkaji bagi menilai tahap kepimpinan instruksional guru besar di sekolah rendah daerah Klang. Skor yang diguna pakai dalam soal selidik ini adalah berdasarkan skala Likert lima mata yang terdiri daripada 1 (sangat setuju), 2 (tidak setuju), 3 (kurang setuju), 4 (setuju) dan 5 (sangat setuju).

Bahagian C soal selidik mengandungi item untuk mengutip data bagi

mengukur amalan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP). Soal selidik ini diambil dari Kerangka Komuniti Pembelajaran Profesional (Zuraidah, 2009). Terdapat 5 ciri KPP di sekolah dan setiap ciri mempunyai 5 hingga 10 item. Skor yang digunakan adalah berdasarkan skala Likert lima mata yang terdiri daripada 1 (sangat tidak setuju), 2 (tidak setuju), 3 (kurang setuju), 4 (setuju) dan 5 (sangat setuju).

Analisis deskriptif dibuat untuk mengira skor min yang menginterpretasikan tahap kedua-dua pemboleh ubah (Jamil 2002) sebagai sangat rendah (skor min 0.01 – 0.99), rendah (skor min 1.00 – 1.99), sederhana (skor min 2.00 – 2.99), tinggi (skor min 3.00 – 3.99), dan sangat tinggi (skor min 4.00 – 5.00). Manakala ujian Korelasi Pearson dibuat bagi mengenal pasti hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah dan diinterpretasikan berdasarkan Jackson (2006), iaitu hubungan yang kuat ( $r = .7 - 1.00$ ), hubungan yang sederhana ( $r = .30 - .69$ ), dan hubungan yang lemah ( $r = .00 - .29$ ).

#### **4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Dapatan kajian dibincangkan berdasarkan tiga persoalan kajian iaitu “apakah tahap kepimpinan instruksional guru besar di daerah Klang?”, “apakah tahap amalan komuniti pembelajaran profesional guru besardi daerah Klang?”, dan “apakah terdapat hubungan antara kepimpinan instruksional dengan amalan komuniti pembelajaran profesional guru besar di daerah Klang?”.

##### **4.1 Apakah Tahap Kepimpinan Instruksional Guru Besar di Daerah Klang?**

Tahap kepimpinan instruksional diukur berdasarkan aspek merangka matlamat sekolah, menyampaikan matlamat kurikulum sekolah, menyelia dan menilai pengajaran, memantau kemajuan murid, menggalakkan pembangunan profesional, memupuk kerjasama dan kejelikitan dalam kalangan guru serta mendapatkan sumber luar untuk menyokong matlamat sekolah. Analisis deskriptif telah memberikan dapatan seperti dalam Jadual 1 di bawah. Secara keseluruhan, tahap kepimpinan instruksional guru besar di daerah Klang adalah sangat tinggi dengan skor min 4.12. Guru besar berjaya mencapai tahap sangat tinggi bagi semua aspek yang dikaji dengan skor min antara 4.08 hingga 4.33, kecuali bagi aspek menyelia dan menilai pengajaran yang hanya pada tahap tinggi (skor min 3.98).

Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Mazlan (2013) tetapi berbeza dengan dapatan kajian Azlin Norhaini (2015) yang menunjukkan tahap kepimpinan instruksional pemimpin sekolah masih belum mencapai tahap tinggi. Hal ini kerana pengetua masih memberi tumpuan terhadap pengurusan bukan profesional seperti pentadbiran, penyelenggaraan dan perkhidmatan. Kajian Azlin Norhaini juga menunjukkan bahawa pengetua

sering menghadiri mesyuarat, dan banyak melakukan kerja yang bukan berkaitan dengan pengajaran. Kenyataan ini seiring dengan dapatan kajian yang menunjukkan guru besar hanya pada tahap tinggi untuk aspek menyelia dan menilai pengajaran. Pelancaran SKPMg2 Standard 4 yang menyasarkan PdPc berkualiti dalam kalangan guru tidak akan tercapai sekiranya guru besar masih bersikap negatif terhadap kepimpinan instruksional. Usaha meningkatkan kecemerlangan pendidikan memerlukan guru besar mengamalkan kepimpinan instruksional.

Jadual 1: Tahap kepimpinan instruksional guru besar di daerah Klang

Aspek	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Merangka Matlamat Sekolah	4.15	0.717	Sangat tinggi
Menyampaikan Matlamat Kurikulum Sekolah	4.31	0.592	Sangat tinggi
Menyelia Dan Menilai Pengajaran	3.98	0.639	Tinggi
Memantau Kemajuan Murid	4.08	0.513	Sangat tinggi
Menggalakkan Pembangunan Profesional	4.12	0.519	Sangat tinggi
Memupuk Kerjasama Dan Kejelikitan Dalam Kalangan Guru	4.33	0.602	Sangat tinggi
Mendapatkan Sumber Untuk Menyokong Matlamat Sekolah	4.17	0.667	Sangat tinggi
<b>KESELURUHAN</b>	<b>4.12</b>	<b>0.526</b>	<b>Sangat tinggi</b>

Dapatan yang menunjukkan guru besar mencapai skor min paling tinggi untuk membentuk suasana sekolah yang mesra dan saling membantu, serta memupuk kerjasama dan kejelikitan dalam kalangan guru adalah seiring dengan kajian Gray dan Streshly (2010) yang mendapati pemimpin yang mengamalkan kepimpinan instruksional akan menyokong dan menggalakkan pembelajaran berterusan dalam kalangan warga sekolah, dan dapatan kajian Jameela Bibi dan Jainabee (2011) yang menyatakan pemimpin yang memiliki penguasaan instruksional mempunyai pengaruh positif iaitu mampu mengurus sekolah dengan berkesan.

#### 4.2 Apakah Tahap Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional Guru Besar di Daerah Klang?

Amalan komuniti pembelajaran profesional (KPP) diukur berdasarkan aspek perkongsian kepemimpinan dan kepemimpinan menyokong, perkongsian matlamat dan visi, pembelajaran kolektif dan aplikasi, keadaan yang menyokong pembelajaran dari segi kemanusiaan dan perkongsian amalan personal. Dapatan analisis adalah seperti dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Tahap amalan komuniti pembelajaran profesional guru besar di daerah Klang

Ciri	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Perkongsian Kepemimpinan dan Kepemimpinan Menyokong	4.40	0.608	Sangat tinggi
Perkongsian Matlamat dan Visi Sekolah	4.51	0.629	Sangat tinggi
Pembelajaran Kolektif dan Aplikasi	4.45	0.571	Sangat tinggi
Keadaan Yang Menyokong Pembelajaran Dari Segi Kemanusiaan	4.54	0.649	Sangat tinggi
Perkongsian Amalan Personal	4.46	0.588	Sangat tinggi
<b>KESELURUHAN</b>	<b>4.47</b>	<b>0.559</b>	<b>Sangat tinggi</b>

Secara keseluruhan, amalan komuniti pembelajaran profesional guru besar adalah pada tahap sangat tinggi dengan min 4.47. Guru besar mencapai tahap sangat tinggi bagi kesemua aspek yang dikaji dengan skor min antara 4.40 hingga 4.54. Dapatan ini selari dengan dapatan Zuraidah (2009) yang membuktikan bahawa pemimpin sekolah daerah Klang telah memulakan, melaksanakan dan mengamalkan KPP. Bagaimanapun kajian Zuraidah menunjukkan hanya pengetua sekolah menengah yang mencapai tahap tinggi bagi amalan KPP. Amalan guru besar di sekolah rendah didapati masih pada tahap yang rendah dengan alasan kurang penjelasan berkaitan pelaksanaan KPP dan banyaknya halangan serta cabaran untuk melakukan perubahan.


### 4.3 Apakah Terdapat Hubungan antara Kepimpinan Instruksional dengan Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional Guru Besar di Daerah Klang?

Hasil analisis korelasi Pearson bagi mengenal pasti hubungan antara kepimpinan instruksional dengan amalan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Hubungan antara kepimpinan instruksional dengan amalan komuniti pembelajaran profesional guru besar di daerah Klang

Pembolehubah	r	p(sig.)	Tahap Kekuatan Hubungan
Amalan komuniti pembelajaran profesional P < 0.01 (2-tailed)	0.522	0.000	Sederhana

Persoalan kajian ini disertakan dengan hipotesis nul ( $H_0$ ) bahawa “tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kepimpinan instruksional dengan amalan komuniti pembelajaran profesional guru besar di daerah Klang”. Jadual 3 menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kepimpinan instruksional dengan amalan KPP dengan nilai  $r = .522$ . Hubungan yang terbentuk adalah positif yang sederhana. Ini bermakna sekiranya berlaku peningkatan dalam tahap kepimpinan instruksional guru besar maka akan meningkat juga tahap amalan komuniti pembelajaran profesional guru besar dan begitulah sebaliknya. Ini juga bermakna hipotesis nul ( $H_0$ ) bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap amalan kepimpinan instruksional dengan tahap amalan KPP guru besar di daerah Klang tidak benar, yang memungkinkan  $H_0$  ditolak. Kajian ini juga berjaya membuktikan bahawa kepimpinan instruksional adalah sangat sesuai untuk diamalkan dan dipraktikkan oleh pemimpin sekolah khususnya guru besar. Hakikatnya wujud hubungan antara kepimpinan instruksional dengan KPP telah dipersetujui oleh pengkaji seperti Harris, Day, Hadfield, Hopkins, Hargreaves, dan Chapman (2003). Dapatan ini juga membuktikan yang sarana KPM dalam PPPM 2013 – 2025 telah difahami dan disambut baik oleh pihak sekolah. Hubungan kedua-dua pemboleh ubah ini bergerak seiring dan saling melengkapi. Rajah 2 di bawah menjelaskan hubungan tersebut.



Rajah 2: Hubungan Kepimpinan Instruksional dengan Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional



Rajah 2 menunjukkan kepimpinan instruksional dan KPP berkongsi matlamat dan visi yang sama iaitu meningkatkan pembelajaran murid melalui peningkatan pengajaran guru (Rigby, 2013). Melalui amalan KPP, pembangunan profesional digalakkan melalui pembelajaran kolektif dan aplikasi seperti sharing session, peer coaching, book club dan video critique yang bertujuan untuk mencari dan mencuba pelbagai teknik pengajaran, melakukan penambahbaikan dan mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran serta strategi baharu dalam PdPc guru. Pemimpin instruksional yang mengamalkan KPP akan memastikan penyelesaian masalah dan pembangunan intervensi untuk meningkatkan pembelajaran murid sentiasa berpandukan data yang empirikal, contohnya dengan melaksanakan lesson study. Pemimpin instruksional juga akan sentiasa mencari peluang, ruang dan masa untuk berbincang dengan guru tentang pembangunan akademik murid (Murni, 2015). Law dan Law (2011) pula menyatakan kekuatan kepimpinan instruksional ialah memupuk hubungan kemanusiaan dalam kalangan guru. Sesi perkongsian, bimbingan rakan sekerja dan analisis data dibuat setiap hari sama ada secara formal atau tidak formal. Guru akan saling menerima dan menyokong idea orang lain, tidak cuba mendominasi perbincangan serta tidak bersifat terasing (isolated). Semua ini dilakukan tanpa sebarang paksaan dan bersifat bottom-up (Brazer & Bauer, 2013).

## 5.0 CADANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Keseluruhannya, tahap amalan kepimpinan instruksional dalam kalangan guru besar di daerah Klang adalah pada tahap sangat tinggi. Namun, aspek penyeliaan dan penilaian guru hanya tinggi dengan skor min yang paling rendah berbanding aspek lain. Pemimpin instruksional bertanggungjawab memastikan guru mengajar dan murid belajar. Oleh kerana itu, pemimpin instruksional perlu menguasai kemahiran merancang, mengelola, memimpin dan mengawal kurikulum. Pemimpin instruksional perlu memberi tumpuan terhadap kecemerlangan akademik dan keperibadian tinggi murid selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Peranan sebagai mentor atau suri teladan perlu dimainkan dengan bersungguh-sungguh khususnya apabila berkait dengan pembelajaran dan pemudahcaraan.

Guru besar di daerah Klang perlu memberi penekanan terhadap aspek menyelia atau mencerap di samping berupaya menilai kekuatan dan kelemahan PdPc guru. Devan (2015) yang merupakan SIP+, menyarankan agar pemimpin sekolah sentiasa mengupayakan KPP sebagai satu sinergi meningkatkan kecemerlangan sekolah.

Gray dan Lewis (2013) berpandangan, pemimpin berkesan adalah pemimpin yang meminimalkan pengurusan sekolah, memaksimumkan pembangunan komuniti pembelajaran dan membantu perubahan. Pemimpin sekolah perlu

sedar bahawa kunci utama amalan KPP adalah mengukuhkan keberkesanan guru sebagai seorang profesional dan impak yang paling optimum adalah kepada pembelajaran murid (Stoll et al., 2010). Justeru, perkongsian berkaitan amalan dan implikasi KPP oleh PPD Klang, SIP+ dan SISC+ kepada guru besar di daerah Klang perlu diteruskan dan dipertingkatkan lagi. Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) di sekolah boleh dipelbagaikan dan diperluaskan kepada *sharing session*, *data analysis*, *learning walk*, *book club*, *peer coaching*, *video critique* dan *lesson study*.

Kementerian Pendidikan Malaysia perlu memastikan semua pemimpin sekolah menjadikan kepimpinan instruksional sebagai keutamaan. KPM juga perlu memastikan KPP difahami oleh seluruh warga pendidik khususnya guru bagi mencari kaedah yang terkini dan berinovasi dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran. Ini juga bermakna kursus yang diberi kepada guru dan pemimpin sekolah perlu memberi penekanan kepada amalan komuniti pembelajaran profesional.

Selanjutnya kajian ini mencadangkan agar model yang menggambarkan tingkah laku kepimpinan instruksional dan hubungannya dengan KPP yang lebih sesuai dan mesra dengan persekitaran pendidikan Malaysia dibangunkan. Guru besar perlu mempraktikkan kepimpinan instruksional kerana kemampuan mereka menjadi mentor dan suri teladan dalam bidang kurikulum dan pedagogi adalah dituntut melalui anjakan ke-5 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013- 2025.

## 6.0 RUMUSAN

Kajian telah menunjukkan bahawa tahap kepimpinan instruksional dan tahap amalan KPP guru besar di daerah Klang berada pada tahap sangat tinggi. Selain itu kajian juga membuktikan bahawa terdapat perkaitan antara kepimpinan instruksional dengan amalan KPP dalam kalangan guru besar di daerah Klang. Semakin tinggi tahap kepimpinan instruksional akan membawa kepada peningkatan dalam amalan komuniti pembelajaran profesional dan begitu juga sebaliknya.

## RUJUKAN

- Alig-Mielcarek, J. M. (2003). *A model of school success: Instructional leadership, academic press, and student achievement (Doctoral dissertation, The Ohio State University)*.
- Abdul Wahab Mohd Arshad. (2011). *Kepimpinan Instruksional Ke Arah Transformasi Sekolah : Satu Perkongsian Pengalaman, Prosiding Kolokium Kebangsaan Kepimpinan Instruksional Ke-7.Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Kedah Darul Aman*
- Abdullah, J. B., & Kassim, J. M. (2011). *Amalan Kepimpinan Instruksional dalam Kalangan Pengetua Sekolah Menengah di Negeri Pahang: Satu Kajian Kualitatif. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.*
- Alimuddin Mat Dom. (2010). *Ciri-Ciri Pengetua Yang Outstanding.*
- Aziah Ismail, Loh Hooi Yen & Abdul Ghani Kanesan Abdulah. (2015). *Komuniti Pembelajaran Profesional dan Efikasi Kendiri Guru Sekolah Menengah di Pulau Pinang. Jurnal Kepimpinan Pendidikan. 2(1): 1 – 12.*
- Azlin Norhaini Mansor & Roselan Baki. (2015). *Amalan pengurusan pengetua. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.*
- Blasé, J., & Blasé, J. (2004). *Handbook of instructional leadership: How successful principals promote teaching and learning. Thousand Oaks, California: Corwin Press.*
- Bond, N. 2013. *Developing a Professional Learning Community among Preservice Teachers. Current Issues in Education. 16(2): 1 – 16.*
- Brazer, S. & Bauer, S.C. (2013). *Preparing Instructional Leaders: A Model. Educational Administration Quarterly. 49(4): 645 – 684. <http://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true>*
- Creswell, J.W. & Plano Clark, V.L. (2011). *Designing and conducting mixed methods research. Thousand Oaks, CA : Sage.*
- Devan V. Rajaram. (2013). *Professional Learning Community (PLC) for Instruksional Leadership: ‘Coffee and Chat’ Sessions As Initiators of Ideas, Best Practices and Success Stories. Pekan International Education Conference 2015.*
- DuFour, R. (2011). *What Is a “Professional Learning Community”? Dimuat turun daripada [http://staffdev.mpls.k12.mn.us/sites/6db2e00f-8a2d-4f0b-9e70e35b529cde55/uploads/What\\_is\\_a\\_PLC.\\_DuFour\\_Article\\_2.pdf](http://staffdev.mpls.k12.mn.us/sites/6db2e00f-8a2d-4f0b-9e70e35b529cde55/uploads/What_is_a_PLC._DuFour_Article_2.pdf)*

Dufour, R., Dufour, R., Eaker, R. & Many, T. (2010). *Learning by doing: A handbook for professional learning communities at work. ( 2nd Ed.)* Bloomington, IN: Solution Tree Press.

Fullan, M., Hill, P., & Crevola, C. (2006). *Breakthrough. Thousands Oaks, CA: Corwin Press.*

Gary, D. L. & Lewis, J. (2013). *Preparing Principals to Become Instructional Leaders. Review of Higher Education and Self Learning. 6(1): 141 – 148.*

Gray, S. P., & Streshly, W. A. (2010). *Leading good schools to greatness: Mastering what great principals do well. Corwin Press.*

Hafsah Mad Arip, Mohd Johan Yakom, Siti Patimah Mohamad Nor & Tajul Ariffin Abdul Rahim. (2012). *Kepimpinan Instruksional di Dua Sekolah Menengah Berasrama di Johor.*

Hallinger, P., & Murphy, J. (1987). *Assessing and developing principal instructional leadership. Educational leadership, 45(1), 54-61.*

Hallinger, P. & Chen, J. (2014). *Review of Research on Educational Leadership and Management in Asia: A Comparative Analysis of Research Topics and Methods, 1995 – 2012. Educational Management Administration & Leadership: 1 – 23.*

Harris, A., Day, C., Hadfield, M., Hopkins, D., Hargreaves, A., & Chapman, C. (2003). *Effective leadership for school improvement. London: RoutledgeFalmer.*

Hord, S. M. & Sommers. (2008). *Leading professional learning communities: Voices from research and practice. Thousand Oaks: Crown Press.*

Hord, S. M. (1997). *Professional learning communities: What are they and why are they important? Dicapai pada 17 November, 2016 di <http://www.sedl.org/change/issues/issues61.html>*

Institut Aminuddin Baki. (2011). *Prosiding Kolokium Kebangsaan Kepimpinan Instruksional Ke - 7, Kementerian Pelajaran Malaysia, Genting Highlands.*

Jackson, S. (2006). *Interchanges: Gender, sexuality and heterosexuality: The complexity (and limits) of heteronormativity. Feminist theory, 7(1), 105-121.*

Jameela Bibi Abdullah & Jainabee Md. Kassim. (2011). *Amalan Kepimpinan Instruksional Dalam Kalangan Pengetua Sekolah Menengah di Negeri Pahang: Satu Kajian Kualitatif. Universiti Kebangsaan Malaysia. Jurnal Pendidikan 31: 97 – 105.*

Jamil Ahmad. (2002). *Pemupukan Budaya Penyelidikan dalam kalangan Guru Sekolah: Satu Penilaian., Universiti Kebangsaan Malaysia.*

Kementerian Pendidikan Malaysia. (1992). Falsafah pendidikan kebangsaan. Kuala Lumpur: KPM.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). Pelan pembangunan pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan pembangunan pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). Pelan pembangunan profesionalisme berterusan guru dan pemimpin sekolah. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Krejcie, R.V & Morgan, D.W. (1970). *Determining Sample Size for Research. Educational and Psychological Measurement*. 30: 607-610.

Law Kuan Poh & Law Kuan Kheng. (2011). Hubungan Antara Tahap Komitmen Guru Terhadap Organisasi Dengan Gaya Kepimpinan Guru Besar SRJK(C). *Voice of Academia*. 6(2): 161 – 180.

Mior Khairul Azrin Mior Jamaluddin. (2011). Sistem pendidikan di Malaysia: Dasar, cabaran, dan pelaksanaan ke arah perpaduan nasional. *Sosiohumanika*, 4(1).

Mohd Majid Konting. (1990). Kaedah penyelidikan pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Yusri Ibrahim. (2014). *Model of E-Leadership, Intra-team Communication and Job Satisfaction among School Leaders in Malaysia. Mediterranean Journal of Social Sciences*. 5(23): 1927 – 1931.

Murni bintiMohamad Yassin. (2015). *The Ideology of Instructional Leadership among Principals On Students Achievement. Proceeding of Pekan International Education Centre*.

Rigby, J. G. (2013). *Three Logics of Instructional Leadership. Educational Administration Quaterly*. 50(4): 610 – 644.

Senge, P. (1990). *The fifth discipline: The art and practice of the learning organization*. London, UK: Doubleday.

Stoll, L., Bolam, R., McMahon, A., Wallace, M. & Thomas, S. (2010). *Professional Learning Communities: A Review Of The Literature*. Dicapai pada 18 November 2012 di <http://schoolcontributions.cmswiki.wikispaces.net/file/view/PROFESSIONAL+LEARNING+COMMUNITIES+A+REVIEW+OF.pdf>

Weber, M. (2013). *From Max Weber: Essays in sociology*. Routledge.

Zuraidah Abdullah. (2009) Pembentukan Komuniti Pembelajaran Profesional: Kajian Terhadap Sekolah Menengah di Malaysia. *Jurnal Managemen Pendidikan*, 02, pp. 79-96.